

KEKEJAMAN
pengganas
komunis
tidak dapat
dilupakan
Subramaniam
walaupun
ia telah
50 tahun
berlalu.

Kepala terpelanting depan mata

Peristiwa penyelia ladang tempat dia bekerja dipancung komunis mendorong Subramaniam memasuki pasukan polis hutan hingga berjaya menjejaki semula pengganas komunis terbabit.

Oleh KUMARA SABAPATTY
kumara.sabapatty@kosmo.com.my

PENGALAMAN melihat kepala kenalan dipenggal di depan mata mungkin menjadi kenangan yang tidak akan dilupakan oleh V. Subramaniam seumur hidupnya.

Walaupun insiden tersebut berlaku lebih 50 tahun lalu, lelaki berusia 76 tahun ini masih ingat detik-detik ngeri yang terpaksa ditontonnya bersama beberapa pekerja lain itu.

"Ia berlaku selepas sembilan tahun saya dan keluarga bersama 120 rakyat India lain dibawa masuk ke Tanah Melayu oleh British untuk untuk bekerja di Ladang Ne-



GAMBAR kenangan Subramaniam (berdiri dua dari kanan) yang berkhidmat selama 30 tahun dalam skuad khas polis hutan.

Dendam

Berdasarkan maklumat hasil risikannya bersama beberapa rakan lain, Subramaniam diberitahu, tiga komunis yang membunuh Kangani masih hidup dan mereka bersembunyi di sekitar ladang tempat Kangani dibunuh.

"Saya tidak nafikan, saya memang berdendam dengan mereka. Saya aturkan operasi untuk menangkap tiga komunis itu dan membawa mereka ke muka pengadilan.

"Kami mula menjejaki tiga komunis ini pada waktu tengah malam. Keesokannya, kira-kira pukul 11 pagi, kelibat sasaran mula kelihatan.

"Selepas mengambil kedudukan masing-masing, kami bergerak perlahan menuju ke arah musuh. Selepas arahan diberikan, saya

Dengan sekali ayun, kepalanya terputus dan terpelanting sebelum tergolek beberapa meter dari badannya

tuk untuk bekerja di Ladang Parbore yang terletak di Sungkai, Perak.

"Mulanya, kami hidup aman di situ walaupun keadaannya serba sederhana. Sungguhpun dibelenggu perit kemiskinan, saya dan rakan-rakan masih boleh ke sekolah.

"Namun, selepas kedatangan komunis sekitar tahun 1954, kezaliman mereka menjadikan kami takut untuk ke sekolah. Saban hari ada saja ancaman yang diterima.

"Susu getah kami dicuri dan dirosakkan. Kami juga dikerah menyertai komunis jika mahu selamat.

"Bagaimanapun, hanya lima orang mahu mengikut langkah mereka sementara yang lain enggan," jelasnya yang hanya belajar setakat darjah empat.

Keengganan komuniti India di situ untuk menyertai komunis mendatangkan kemarahan askar yang terkenal dengan panggilan bintang tiga itu.

Anak gadis sering diganggu manakala yang lelaki dipukul dan ditahan sesuka hati, kononnya golongan itu tali barut British.

"Keadaan semakin lama semakin tegang. Biarpun berdepan dengan ancaman, kebanyakan pekerja ladang tetap keluar menoreh getah kerana hanya itu sumber pendapatan yang ada untuk meneruskan hidup anak-beranak.

"Suatu hari, tiga orang komunis datang ke kawasan kami. Mereka

untuk tetap duduk di tanah sekiranya ingin selamat," imbau Subramaniam lagi.

Pancung

"Ketika itu saya berumur 16 tahun dan Kangani sedang menyelia kerja-kerja mengumpulkan getah bersama beberapa pekerja ladang yang lain.

"Seorang rakan saya yang telah menyertai komunis, menarik dan mengherdik Kangani. Kangani yang berusia 35 tahun dikatakan terlibat dalam membocorkan rahsia komunis kepada pihak polis.

"Kangani menafikan penglibatannya. Kenyataan tersebut menyebabkan dia dipukul teruk.

"Badannya disepak dan ditenang sampai lembik sebelum tangan dan kakinya diikat.

"Saya hanya mampu melihat perbuatan mereka ketika itu. Kami diarahkan duduk dan tidak dibenarkan meninggalkan kawasan terbabit," cerita Subramaniam.

Selepas beberapa ketika, Kangani masih enggan mengaku. Salah seorang komunis yang mungkin sudah hilang sabar, mengeluarkan pisau dari sarung yang diselit dipinggangnya.

"Dia terus mengelar leher Kangani tanpa rasa belas. Beberapa pekerja wanita menjerit ketakutan dan hampir semua ingin melarikan diri namun kami diberi amaran

untuk tetap duduk di tanah sekiranya ingin selamat," imbau Subramaniam lagi.

Tambahnya, tidak lama selepas Kangani dikelar, kumpulan komunis tersebut meninggalkan mereka. Kangani menjerit kesakitan dan meminta kami membuka ikatannya.

"Sejurus dia menjerit, seorang komunis berpatah balik dan memancung kepala Kangani dengan parang panjang.

"Dengan sekali ayun, kepala Kangani terputus dan terpelanting sebelum tergolek beberapa meter dari badannya," kata Subramaniam yang kemudian terus berlari ke Balai Polis Tapah Road dan melaporkan kejadian ngeri itu kepada Inspektor M.S. Maniam yang sedang bertugas.

Atas faktor keselamatan, Subramaniam ditempatkan selama seminggu di rumah polis berkenaan.

Bertitik tolak daripada insiden tersebut, anak sulung daripada lima beradik ini mengambil keputusan untuk menyertai polis.

Dengan menaiki kereta api, Subramaniam mendaftarkan diri dan mengikuti latihan kepolisan selama dua bulan di Pusat Latihan Polis Persekutuan yang terletak di Tanjung Keling, Melaka.

Setelah tamat latihan, dia bersama 36 rakan platunnya diarahkan untuk bertugas di Sungkai dan Jalan Cameron.

nganai paha salah seorang komunis.

"Mereka yang terkejut diserang sempat berbalas tembakan sebelum meloloskan diri. Walaupun gagal menangkap mereka, saya tidak putus asa.

"Gerakan lebih besar diatur. Selepas tiga hari mengintip, akhirnya kami dapat mengepung dan menyerang perkumpulan komunis yang juga kubu kuat mereka di Tanjung Malim.

"Dalam operasi kedua ini, kami berjaya menewaskan mereka. Beberapa orang komunis terbunuh dan ramai yang ditahan sebelum dibawa ke Balai Polis Tapah Road sebelum dijatuhkan hukuman mati oleh British tidak lama kemudian.

"Ketika itu, saya adalah orang yang paling gembira. Lepas hajat dan dendam saya untuk mengheret komunis yang telah membunuh Kangani ke muka pengadilan," katanya yang telah berkhidmat selama 30 tahun sebagai skuad khas polis hutan.

Turut bertemu jodoh dengan isterinya yang bertugas sebagai polis wanita, Subramaniam mengakui pengalaman yang diraih sepanjang bertugas banyak mengajarnya erti cinta pada tanah air dan saling menghormati perbezaan budaya dalam kalangan rakyat berbilang kaum di negara ini.

"Bukan mudah untuk dapat apa yang kita miliki sekarang. Jadi, hargai kemerdekaan ini," ujarinya.